

## KENYATAAN MEDIA

### PENYELESAIAN TUNGGAKAN DAN USAHA MENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN URUSAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

1. Selaras dengan hasrat untuk menambahbaikan dalam system penyampaian, Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang memberi tumpuan sepenuhnya terhadap penyelesaian tunggakan khusus dalam empat (4) bidang utama urusan tanah. Empat bidang utama tersebut ialah pendaftaran urusanniaga dan bukan urusanniaga, penukaran hakmilik sementara (QT), ke hakmilik kekal (FT), pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata, serta pemberimilikan tanah. Di samping empat bidang utama tersebut, aktiviti-aktiviti lain juga diberi penekanan iaitu permohonan pecah sempadan/pecah bahagian/cantuman tanah, permohonan konsent, permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL), dan permohonan perolehan tanah oleh warganegara asing.
2. Pada 31 Disember 2007, Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang telah menyelesaikankesemua permohonan-permohonan yang tertunggak yang diterima sehingga 31.12.2006, bagi empat aktiviti utama. Bilangan didaftarkan adalah seperti berikut:-

#### Urusan pendaftaran urusanniaga

|                             |   |                                       |
|-----------------------------|---|---------------------------------------|
| Dan bukan urusanniaga       | - | 38,454 perserahan (100%)              |
| Pemberimilikan tanah        | - | 827 permohonan (100%)                 |
| Pendaftaran hakmilik strata | - | 151,028 petak (100%)<br>(1,378 sekim) |
| Penukaran QT kepada FT      | - | 116,262 hakmilik (100%)               |

3. Manakala penyelesaian ke atas permohonan yang diterima sepanjang tahun 2007, juga menunjukkan kemajuan. Kedudukan kemajuan sehingga 31.01.2008 adalah sepertiberikut:-

- Urusan pendaftaran urusniaga dan bukan urusniaga
  - Penerimaan di bawah SPTB (100%) - 68,595 perserahan
  - Penerimaan di bawah e-Tanah - 1,340 (15.1%)
- Pemberimilikan tanah - 348 permohonan (75.65%)
  
- Permohonan dan pengeluaran hakmilik strata -8,198 petak (44.81%)  
(138 sekim)
- Penukaran QT kepada FT - 11,242 hakmilik (83.73%)

4. Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang komited untuk menyelesaikan kesemua tunggakan pendaftaran penukaran QT kepada FT sebelum 31.3.2008. baki QT yang belum didaftarkan iaitu sebanyak 2,184 lot. Daripada jumlah tersebut sebanyak 454 lot sedang disediakan pelan berdasarkan kepada CD yang diterima dari JUPEM, 456 lot dibuat tindakan susulan dengan JUPEM bagi penyediaan pelan BI Tiff, 109 lot dalam proses pengesanan Pelan Akui (PA) dan 1156 diperingkat penyelarasan semakan hasil. Bagi tujuan penyelesaian ini, kerjasama yang erat diperolehi dari JUPEM terutamanya dalam penyelesaian permohonan ukur (PU) dan penyediaan pelan B1 Tiff.
  
5. Bagi Permohonan hakmilik strata, baki tunggakan yang direkodkan pada 31.12.2007 ialah 173 sekim yang mengandungi 27,662 petak. Sehingga 31.01.2008 sebanyak 7 sekim (1,733 petak) telah diselesaikan. Daripada baki 166 sekim PTG mensasarkan kira-kira 20 sekim dapat diselesaikan menjelang 30.06.2008 dan 28 sekim diselesaikan menjelang 31.12.2008. baki 118 sekim merupakan isu yang perlukan komitmen dan kerjasama semua pihak terutamanya pemaju. PTG telah membuat penyelarasan dengan JUPEM dan PBT dan mengadakan perundingan terus dengan pemohon dan juruukur Berlesen bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan.
  
6. Disamping empat urusan utama di atas, beberapa urusan lain yang diterima pada tahun 2007 juga telah diproses dan mencapai kemajuan prestasi yang baik. Kemajuan sehingga 31.01.2008 ke atas urusan-urusan tersebut adalah seperti berikut:-

|                               |   |              |
|-------------------------------|---|--------------|
| Permohonan Pecah sempadan     | - | 172 (96.09%) |
| Permohonan pecah bahagian     | - | 116 (98.31%) |
| Permohonan tukar syarat tanah | - | 78 (56.52%)  |

Permohonan perolehan tanah oleh

|  |   |               |
|--|---|---------------|
| Warganegara asing                              | - | 658 (100%)    |
| Permohonan konsent                             | - | 5,400 (96.7%) |
| Permohonan Lesen Pendudukan<br>Sementara (LPS) | - | 656 (98.8%)   |

Sebagai langkah sokongan kepada penjana aktiviti ekonomi, pentadbiran tanah meningkatkan lagi sistem penyampaian bagi aktiviti-aktiviti berkaitan, iaitu permohonan pecah sempadan, pecah bahagian, cantuman tanah dan permohonan penyerahan & pembermilikan semula tanah (S & R). Tempoh masa memproses & membuat keputusan bagi permohonan-permohonan tersebut telah disingkatkan kepada kurang dari tiga (3) bulan. Dalam hal ini Pentadbiran Tanah Pulau Pinang telah dan terus bekerjasama dengan pihak dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JUPEM dan Persatuan Pemaju Perumahan (REDHA) bagi mempercepatkan sistem penyampaian ini.

7. Pentadbiran Tanah Pulau Pinang akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk orang awam dan swasta dan pihak Majlis Peguam bagi mencapai matlamat menyelesaikan tunggakan dan meningkatkan sistem penyampaian dalam urusan tanah di Negeri Pulau Pinang. Sebarang urusan dan penjelasan lanjut yang berkaitan dengan penyelesaian permohonan-permohonan tanah bolehlah berhubung terus dengan pegawai-pegawai berikut:-

- a) Encik Arifin bin Awang  
 Pengarah Tanah dan Galian, Pulau Pinang  
 No. Tel: 04-2615459  
 H/Phone: 012-4753438  
 Fax No: 04-2619588  
 E-Mail : [eric@Penang.gov.my](mailto:eric@Penang.gov.my)

- b) Encik Azizi bin Zakaria  
Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang  
No. Tel: 04-2616030  
H/Phone: 019-4175353  
Fax No: 04-2616137  
E-Mail: [azizi@penang.gov.my](mailto:azizi@penang.gov.my)
- c) Encik Hasan bin Saad  
Pentadbir Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang  
No. Tel: 04-8691100  
H/Phone: 019-4728990  
Fax No: 04-8661593  
E-Mail: Hassan [Saad@penang.gov.my](mailto:Saad@penang.gov.my)
- d) Encik Mokhtar bin Jait  
Pentadbir Tanah, Daerah Seberang Perai Utara  
No. Tel: 04-5755175  
H/Phone: 019-4549903  
Fax No: 04-5758969  
E-Mail: [mokhtar@penang.gov.my](mailto:mokhtar@penang.gov.my)
- e) Encik Nordin bin Yahaya  
Pemangku Pentadbir Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah  
No. Tel: 04-5402361  
H/Phone: 019-5566256  
Fax No: 04-5399549  
E-Mail: [nordin@penang.gov.my](mailto:nordin@penang.gov.my)
- f) Encik Jusni bin Ismail  
Pentadbir Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan  
No. Tel: 04-5828036  
H/Phone: 012-5071036  
Fax No: 04-5821003  
E-Mail: [jusniismail@penang.gov.mu](mailto:jusniismail@penang.gov.mu)